

## KERATAN AKHBAR

# Berita Harian

TAJUK : POLISAS MUNCUL JUARA FESTIVAL KESENIAN ISLAM  
 TARIKH : 25 OKTOBER 2010 (ISNIN)



8 | Isnin 25 Oktober 2010

TIMUR

BH PILIH BE 25 (emel)

Oleh Samsudin Awang  
 bhnews@bharian.com.my

## POLISAS muncul juara Festival Kesenian Islam

Menang dua hadiah utama kejohanan peringkat politeknik

**K**UANTAN: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), muncul juara Festival Kesenian Islam Peringkat Politeknik selepas merangkul dua daripada lima acara diperandingkan.

POLISAS yang mewakili Politeknik Zon Timur menyandang tempat pertama bagi kategori nasyid dan dikir barat selepas menewaskan 26 politeknik lain pada peringkat saringan, dan separuh akhir dalam setiap zon.

Festival yang dianjurkan buat kali pertama itu turut mempertandingkan acara pidato, azan dan puisi islam dengan tema Transformasi Ke Arah Kecemerlangan berkonsepkan Gagasan 1Malaysia.

Seramai 160 peserta mewakili Zon Timur, Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Borneo mempamerkan kehebatan mereka dalam setiap acara pada peringkat akhir.

Majlis penutup festival itu disempurnakan Pengarah Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kurikulum Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Ghaus Abdul Kadir bersama Pengarah POLISAS, Datuk Abu Bakar Ahmad.



KUMPULAN Sri Makmur Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) muncul johan dikir barat sempena Festival Kesenian Islam Kementerian Pengajian Tinggi peringkat kebangsaan 2010.

Ghaus berkata, festival berkenaan bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap Islam dari aspek keilmuan, cara hidup dan kebudayaan selain dari aspek ibadat semata-mata.

"Ia amat penting untuk membentuk keperibadian pelajar yang cemerlang dengan berpandukan syariah Islam supaya mereka tidak sekadar cemerlang dalam akademik malah aspek akhlak, nilai insaniah dan pengetahuan agama.

"Selaras dengan gagasan 1Malaysia yang mementingkan aspek keperibadian dan perpaduan semua kaum, penghayatan terhadap cara hidup dan budaya masyarakat Islam memainkan peranan penting untuk difahami," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata kejayaan POLISAS pada festival berkenaan membuktikan kemampuan pelajar mengimbangi aspek akademik dan kokurikulum mereka untuk turut mendalami pelbagai ilmu kesenian Islam.

"Walaupun dengan lambakan tugas akademik sepanjang pengajian mereka, namun komitmen yang tinggi di antara pelajar dan pensyarah, berjaya memberi kemenangan kepada POLISAS dalam pertandingan yang belum pernah di sertai sebelum ini," katanya.

ASROUL AWANG | BERITA HARIAN

